

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqua General Takaful Berhad ("Kami")
Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai <b>Takaful PA Plus</b> . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	<b>Takaful PA Plus</b> <b>Tarikh : 26/03/2021</b>

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini merupakan pelan kemalangan diri yang memberi perlindungan terhadap kematian, hilang upaya kekal dan manfaat perubatan disebabkan oleh kemalangan.

**2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunapakai?**

**Wakalah**

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada sumbangan)
• Perbelanjaan pengurusan	45%
Jumlah Fi Wakalah	45%

**Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak upah yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'Amal Jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

**3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?**

Berikut adalah manfaat-manfaat Takaful PA Plus:

No.	Manfaat-manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)
1	Lumpuh sepenuhnya, hilang akal sama sekali atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal	Sehingga 200,000
2	Ketidakupayaan kekal yang lain	Sehingga 150,000
3	Kematian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemalangan maut ketika menaiki kenderaan awam atau sewaktu berada <b>di luar</b> negara Malaysia, Singapura dan Brunei.</li> <li>• Kemalangan maut sewaktu berada <b>di dalam</b> Malaysia, Singapura dan Brunei.</li> <li>• Tunai belas kasihan</li> <li>• Penghantaran pulang jenazah</li> </ul>	100,000 50,000 2,000 3,000
4	Rawatan pesakit luar <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai pesakit luar</li> <li>• Kecederaan ragut</li> </ul>	100 150
5	Perubatan hospital <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran balik perbelanjaan perubatan (setiap kemalangan)</li> <li>• Tunai hospital (sehingga 100 hari)</li> </ul>	Sehingga 1,000 100 sehari
6	Yuran ambulans (setiap kemalangan)	Sehingga 200

Manfaat untuk anak-anak (setiap orang anak) - 25% daripada semua manfaat di atas.

Ini adalah sijil takaful yang diperbaharui secara tahunan dan sumbangan boleh dibayar secara bulanan atau tahunan.

**4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Skim	Sumbangan (RM)	
	Bulanan	Tahunan
Diri sendiri	19.67	207.00
Diri sendiri & Pasangan	32.00	339.00
Diri sendiri & Keluarga	40.00	423.00

- Sumbangan boleh dibuat secara autodebit daripada akaun pilihan anda (semasa/simpanan/kad kredit) mengikut kaedah pilihan anda, sama ada bulanan atau tahunan.
- Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. **Apakah bayaran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. **Apakah terma- terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?**

**Keperluan Pendedahan**

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

**Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC)** - sumbangan hendaklah dibayar kepada kami atau pengantara kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan sivil dikuatkuasakan

**Tuntutan** - jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

**Takaful Lain** - seseorang itu tidak boleh dilindungi lebih daripada satu sivil Takaful PA Plus.

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sivil takaful untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

7. **Apakah pengecualian-kecualian utama di bawah sivil ini?**

- Mengambil bahagian dalam sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang, bunuh diri, mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau gila;
- Dibawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya;
- Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai seorang penumpang;
- Mengambil bahagian dalam pekerjaan berbahaya;
- Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain;
- Kehamilan atau kelahiran anak;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Keuzuran, penyakit, parasit, bakteria atau jangkitan kuman;
- Penyakit sedia ada;
- Peperangan atau risiko tindakan pengganas; atau
- Kontaminasi radioaktif atau nuklear

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sivil takaful untuk senarai penuh pengecualian-kecualian.

8. **Bolehkah saya membatalkan sivil saya?**

Anda boleh membatalkan sivil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Atas pembatalan tersebut, anda boleh mendapat kembali sebahagian daripada sumbangan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tempoh takaful.

9. **Apa yang perlu saya lakukan jika maklumat perhubungan berubah?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. **Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Online: 1300 13 8888

E-mel: [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my)

Laman Web: [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)

11. **Lain-lain jenis perlindungan takaful kemalangan diri yang boleh didapati**

Sila rujuk kepada cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA SERTAI. ANDA MESTI BACA, FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 26/03/2021.